

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: MAJLIS PERASMIAN MAJLIS TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN KALI  
KE-43

TEMPAT : DEWAN SA'ADAH, WISMA MUIS KOTA KINABALU, SABAH

TARIKH : 18 SEP 2000

MASA:

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah s.w.t. kerana buat kali yang ke-43 kita dapat mengadakan Majlis Tilawah Al-Quran. Di Malaysia kita bersyukur kerana Tilawah Al-Quran menolong secara yang berkesan mendekatkan kita kepada al-Quran yang memberi petunjuk dan memandu kita dalam percubaan kita mengamalkan Islam sebagai `Addin' atau cara hidup.

2. Pada mulanya kita hanya dapat mendengar bacaan ayat-ayat suci dan sedikit ulasan dalam bentuk syarahan dalam majlis tilawah. Tetapi perkembangan teknologi sekarang membolehkan kita bukan sahaja mendengar tetapi juga membaca ayat-ayat yang dibaca oleh peserta-peserta dan ulasan berkenaan dengan isi kandungannya. Ini sudah tentu membolehkan kita lebih memahami akan ajaran al-Quran dan akan menolong kita dalam urusan dunia dan akhirat kita.

3. Kefahaman ini menjadi lebih penting kerana terdapat banyak ajaran dan tafsiran yang tidak tepat yang dibuat oleh orang tertentu. Dengan mengetahui tafsiran dan terjemahan dalam bahasa yang kita faham, dan ditafsirkan mengikut tafsiran yang sebenar maka dapatlah kita kenali dan menolak ajaran-ajaran sesat.

4. Sebenarnya bukanlah mudah untuk kita memahami isi kandungan al-Quran. Orang yang berbahasa Arab atau faham Bahasa Arab pun tidak mudah memahami al-Quran. Ini adalah kerana sementara ada ayat-ayat yang tepat yang mudah difahami, ada pula banyak ayat yang tidak begitu jelas melainkan setelah diulas dan diterangkan maksudnya oleh ulama yang mendalami ajaran Islam dan al-Quran. Ulama-ulama yang dimaksudkan ialah ulama yang tidak mempunyai kepentingan lain selain daripada keikhlasan dan keinginan untuk memandu umat Islam dalam ajaran Islam yang sebenarnya. Jika ulama yang membuat penjelasan dan tafsiran berkenaan isi kandungan al-Quran terdiri daripada orang yang berkepentingan lain, tidak dapat tidak ulasan dan tafsiran akan dibuat

dengan tujuan menghalalkan atau memajukan kepentingan diri atau puak, tarikat atau mazhabnya sahaja. Jika ulama itu terdiri daripada orang politik, maka tafsirannya tetap berbau politik yang didokong olehnya. Kerapkali pula tafsiran yang salah dibuat atau separuh sahaja daripada ayat yang dipetik dan ditafsir.

5. Ulama-ulama di zaman silam yang tidak mempunyai kepentingan lain selain daripada mengembangkan Islam adalah punca tafsiran yang dibuat semasa tilawah. Sudah tentu apabila ayat berkenaan adalah jelas dan tidak mungkin disalaherti, maka penjelasan yang diberi lebih merupakan peringatan akan panduan yang didapati daripada al-Quran.

6. Tilawah Al-Quran tetap memberi banyak manfaat kepada orang Islam yang biasanya tidak dapat membaca dan memahami al-Quran pada peringkat yang lebih tinggi. Ia juga dapat menjadi benteng terhadap salahtafsiran dan penyelewengan yang dilakukan oleh orang tertentu.

7. Hari ini umat Islam berpecah kepada banyak mazhab, tarikat dan juga pengikut ulama dan guru-guru tertentu. Perbezaan dalam perkara-perkara yang bukan pokok kepada agama Islam memanglah perkara biasa yang diterima oleh agama Islam. Tetapi jika perbezaan itu ketara, bahkan ajaran yang disampaikan adalah jelas bertentangan dengan ajaran Islam, maka masyarakat dan mereka yang dipertanggungjawabkan berkenaan dengan soal-soal agama mestilah bertindak untuk memperbetulkannya. Adalah tidak bertanggungjawab jika orang yang dipertanggungjawabkan memelihara kebersihan agama Islam membiarkan ajaran sesat dan dakwaan yang bertentangan dengan ajaran Islam dibenarkan berkembang dan mengeliru serta menghancurkan aqidah orang Islam.

8. Jika perbezaan pendapat itu tidak melibatkan aqidah, maka permusuhan yang ketat sehingga orang Islam berpecah-belah tidak harus berlaku. Tidak mungkin mana-mana pihak memaksa seluruh umat Islam menerima hanya tafsiran dan ajaran mereka sahaja. Di zaman Islam mula berkembang puak Khawarij telah cuba memaksa semua orang Islam lain menerima tafsiran dan amalan mereka sahaja. Dengan itu peperangan besar-besaran dan berpanjangan telah berlaku di antara mereka dan majoriti umat Islam. Selagi perbezaan terhadap perkara yang bukan menjadi pokok dan tidak melibatkan aqidah dijadikan sebab orang Islam terbahagi kepada puak-puak dan kumpulan yang bermusuhan, selama itulah orang Islam tidak dapat bersatu-padu dan bersaudara. Ini bermakna orang Islam tidak menghiraukan ajaran Islam yang amat penting iaitu orang Mukmin adalah bersaudara.

9. Di Malaysia di mana orang Islam hanyalah 60 peratus daripada penduduk seramai 22 juta orang, perpaduan dan persaudaraan di kalangan orang Islam juga tidak tercapai. Ini adalah disebabkan tafsiran-

tafsiran berkenaan ajaran agama, termasuk terjemahan, tafsiran dan ulasan al-Quran itu sendiri dibuat secara berbeza-beza kerana kepentingan tertentu. Dengan itu ramai orang Islam di Malaysia terkeliru berkenaan dengan ajaran Islam, dan bertentangan sesama sendiri dan berpecah-belah.

10. Dengan adanya Tilawah Al-Quran, maka isi kandungan al-Quran serta terjemahan yang tidak berkepentingan lain dapat diketahui dan ini dapat mengurangkan perbezaan pendapat, bahkan permusuhan sesama orang Islam. Ini adalah satu-satunya hikmah Tilawah Al-Quran yang diadakan di negara kita tiap tahun.

11. Faedah dan nikmat yang boleh didapati daripada al-Quran amatlah banyak bagi orang Islam. Hanya dengan mendengar ayat-ayat suci al-Quran dibaca pun dapat menenangkan hati dan membangunkan semangat persaudaraan di kalangan orang Islam. Amatlah ganjil jika apabila ayat-ayat suci al-Quran dibaca, maka ia membangkitkan nafsu di kalangan pendengarnya.

12. Ini hanya boleh berlaku kerana manusia itu keterlaluan nafsunya. Manusia adalah makhluk yang dijadikan oleh Allah s.w.t. yang lebih tinggi dan lebih mulia daripada makhluk yang lain, khususnya haiwan. Manusia berbeza daripada makhluk lain kerana mempunyai keupayaan berfikir dan membendung nafsu. Sementara manusia perlu mengelak daripada sengaja membangkitkan nafsu orang lain dengan cara-cara tertentu dan jelas, manusia yang terdedah kepada aurat juga perlu membendung nafsu sebagai makhluk yang bertamadun. Jika tidak, maka masyarakat manusia tidak akan menjadi aman, bahkan manusia tidak boleh hidup bersama sebagai satu masyarakat. Manusia yang tidak dapat membendung nafsu akan membawa huru-hara kepada masyarakat kerana mereka akan mengambil apa sahaja yang diidamkan tanpa mengira hak orang lain. Bermacam-macam jenayah akan berlaku. Kita tahu bahawa undang-undang agama dan undang-undang masyarakat tidak berjaya menghapuskan jenayah secara menyeluruh walaupun hukuman bunuh dikenakan.

13. Manusia yang bertamadun tinggi perlu membendung nafsu dengan berkesan oleh diri sendiri tanpa terlalu bergantung kepada pencegahan oleh undang-undang agama atau undang-undang manusia. Kita tahu bahawa dunia sekarang sudah menjadi amat sempit sehingga tidak mungkin sesiapa memulaukan dirinya daripada budaya dan tamadun lain. Orang Islam dalam perjalanan mereka ke negara bukan Islam, atau yang terpaksa tinggal di negara bukan Islam akan terdedah kepada pelbagai maksiat dan amalan yang bertentangan dengan ajaran Islam. Mereka tidak dapat melindungi diri daripada godaan ini dengan memaksa orang bukan Islam mengamalkan ajaran Islam tertentu. Benteng untuk mempertahankan diri mereka daripada godaan nafsu disebabkan oleh apa yang terdedah kepada mereka ialah iman mereka.

14. Jika iman mereka dikuatkan dengan melatih diri supaya berdisiplin dan meningkatkan keupayaan membendung nafsu maka akan terselamatlah mereka daripada terceroboh dengan maksiat walau apa pun godaannya. Jika sebaliknya mereka tidak sanggup mengawal nafsu dan bergantung semata-mata kepada penutupan aurat oleh orang lain, maka semasa terdedah kepada budaya lain akan amat mudahlah mereka melakukan apa yang dilarang oleh agama Islam.

15. Di Malaysia pun terdapat agama dan budaya yang berlainan dengan Islam. Tidak dapat tidak kita terdedah kepada aurat orang yang bukan beragama Islam. Mereka yang kuat iman dan dapat mengawal nafsu tidak akan menghadapi masalah, bahkan fikiran mereka juga tidak akan terganggu. Tetapi mereka yang lemah iman atau terlalu kuat nafsu akan tercebur secara langsung atau tidak langsung dengan maksiat, termasuk pemikiran yang tidak bersih. Orang yang seperti ini tidak dapat melihat atau mendengar apa-apa tanpa terjebak dengan pemikiran yang tidak bersih.

16. Islam adalah agama yang berjaya membentuk tamadun yang tinggi dan mulia. Bertamadun bermakna berupaya mendisiplinkan diri dan membendung nafsu. Jika orang Islam tidak dapat membendung nafsu setelah mereka dilindungi daripada segala-gala yang boleh membangkitkan nafsu, maka adalah jelas nilai-nilai Islam yang menjadi sebahagian daripada tamadun Islam tidak berjaya diserapkan oleh mereka.

17. Antara lain Al-Quran mengajar kita mengawal nafsu. Bacaannya mestilah didengar dengan khusyuk tanpa memikirkan akan perkara-perkara lain. Mereka yang mendengar ayat-ayat suci al-Quran dibaca, sama ada difahami atau tidak, tetap akan mengingati Allah s.w.t. dan larangan-larangan akan perkara-perkara yang jahat yang terkandung dalam al-Quran. Sebab itulah Tilawah Al-Quran mempunyai khasiat yang lebih daripada suara yang didengari. Kerana mendengar bacaan al-Quran sahaja pun, orang Islam akan menjadi manusia yang lebih baik, apatah lagi jika bacaan itu diiringi dengan tafsiran dalam bahasa yang difahami dan juga penjelasannya.

18. Rakyat Malaysia bertuah kerana dapat mempelajari isi kandungan al-Quran dengan mudah melalui Tilawah Al-Quran. Kita berdoa supaya orang Islam di Malaysia akan menjadi sebaik-baik manusia kerana kefahaman akan ajaran Islam semasa Tilawah Al-Quran diadakan.

19. Oleh itu marilah kita bersama-sama mendengar dan menuruti tafsiran dan terjemahan ayat-ayat al-Quran semasa tilawah ini, mudah-mudahan kita akan memperolehi kebaikan dan panduan daripadanya.

20. Akhir kata dengan lafaz Bismillahir rahmanir  
rahim, saya merasmikan Majlis Tilawah Al-Quran  
Peringkat Kebangsaan Kali Ke-43 ini.